

BERITA HARIAN, KHAMIS, 22 JULAI, 1982



Berbuka puasa bersama Perdana Menteri

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersama-sama pegawai dan perajurit menikmati juadah yang disediakan di majlis berbuka puasa di masjid Kementerian Pertahanan di sini baru-baru ini.

Ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir ke majlis tersebut disambut oleh Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Seri Datuk Ghazali Mohd Seth.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar Datu Bandar Haji Mustapha dan pegawai-pegawai tinggi tentera dan perajurit.

Selepas majlis berbuka puasa itu, semua hadirin menunaikan sembahyang Maghrib bersama-sama.